



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.88 / 2018

68,317 ORANG PENGUNDI P.132 PORT DICKSON DISERU KELUAR MENGUNDI PADA 13 OKTOBER 2018 (SABTU)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa, berdasarkan daftar pemilih pada Suku Kedua Tahun 2018 (ST2/2018) yang dikemaskini sehingga 11 September 2018, jumlah pemilih yang layak untuk mengundi biasa adalah **68,486 orang**. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut sebanyak **169** kertas undi pos telah dikeluarkan menjadikan mereka yang layak mengundi biasa pada **Sabtu, 13 Oktober 2018** ini adalah seramai **68,317 orang**.
2. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pengundi biasa Parlimen P.132 Port Dickson supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi pada hari Sabtu ini.
3. Para pengundi adalah dinasihatkan supaya merancang masa dan keluar di awal pagi serta tidak memilih untuk keluar mengundi di saat-saat akhir walaupun tempoh waktu mengundi telah dilanjutkan dari jam **8.00 pagi hingga 5.30 petang**. Ini berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu serta dijangka hujan di sebelah petang.
4. Di samping itu juga, SPR meminta para pengundi agar membuat semakan maklumat daftar pemilih mereka lebih awal sebelum hari pengundian.
5. Bagi mengetahui maklumat daftar pemilih tersebut, pengundi boleh membuat semakan melalui saluran-saluran berikut:
 - a) layari **portal rasmi SPR** di www.spr.gov.my ; atau
 - b) telefon ke talian **03-88927018**; atau
 - c) menyemaknya melalui aplikasi **MySPR Semak**.

6. Bagi pengundi yang telah mengetahui maklumat berkenaan, mereka tidak perlu menyemaknya lagi di barung SPR. Sebaliknya mereka disaran untuk **mencatat dan menyimpan maklumat** seperti berikut;

- a) **pusat mengundi,**
- b) **saluran mengundi,**
- c) **nombor bilangan pemilih.**

7. Pengundi disaran **membawa** slip/catatan maklumat tersebut serta menunjukkannya kepada petugas di saluran mengundi itu. Slip/catatan itu akan memudahkan petugas pilihan raya untuk membuat semakan nama dan membantu kelancaran proses pengundian.

8. Pengundi juga dinasihatkan supaya membawa kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri yang rasmi dan sah (yang memaparkan maklumat gambar, nama dan nombor kad pengenalan) pada hari mengundi serta tidak menyerahkan kad pengenalan mereka kepada pihak lain selain daripada petugas pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 11 Oktober 2018 / 2 Safar 1440H